

Baca petikan berikut. Kemudian jawab semua soalan.

Kita Lakukan Bersama-sama

Murid-murid Tahun 4 Harmoni telah diminta oleh guru mereka untuk mencari maklumat tentang aktiviti masyarakat yang prihatin di Malaysia. Mereka diminta membentangkan maklumat yang diperolehi kepada rakan-rakan sekelas. Rajiv, Jit Wen dan Jimi telah berkumpul di rumah Hadif untuk membincangkan tugas tersebut. Mereka melakukannya bersama-sama.

Rumah Terbuka

Amalan rumah terbuka merupakan satu cara masyarakat di negara ini bergaul antara satu sama lain. Dengan menghadiri rumah terbuka, masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini dapat berkenal-kenalan dan beramah mesra. Amalan kunjung-mengunjungi juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim.



Usung Rumah

Amalan mengusung rumah dilakukan untuk memindahkan rumah ke lokasi baharu. Amalan ini menjadi satu budaya masyarakat tradisional di negara ini. Amalan mengusung rumah menunjukkan masyarakat yang sangat prihatin sesama jiran tetangga. Mereka mencari buluh di hutan bersama-sama. Kemudian, mengikat buluh-buluh di bahagian bawah rumah. Selepas itu, rumah tersebut diusung ke lokasi tapak rumah yang baharu. Setelah selesai, para pengusung rumah akan dijamu dengan makanan dan minuman. Keadaan ini menunjukkan tuan rumah prihatin dan menghargai pertolongan yang diberikan oleh masyarakat.



Baca petikan berikut. Kemudian jawab semua soalan.



Gunting Rambut Percuma

Perkhidmatan gunting rambut secara percuma meringankan beban ibu bapa. Perkhidmatan ini dijalankan hasil kerjasama ketua kampung dan masyarakat setempat di Kampung Tok Rimau. Ketua kampung menyatakan bahawa perkhidmatan seperti ini mampu membantu masyarakat setempat yang berpendapatan rendah. Usaha ini membuktikan penduduk kampung tersebut mengambil berat tentang kebajikan sesama mereka. Bagi mereka, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.



Gerobok Rezeki

Gerobok Rezeki ini terdapat di beberapa buah masjid dan surau. Gerobok Rezeki ini ditempatkan di bahagian luar masjid atau surau. Hal ini bagi memudahkan golongan miskin mengambil barangan keperluan mereka. Barangan tersebut disumbangkan oleh masyarakat setempat yang ingin berkongsi rezeki. Barang-barang yang disediakan termasuklah beras, tepung, susu bayi, minyak masak, dan sebagainya. Gerobok Rezeki ini menunjukkan bahawa masyarakat di negara ini prihatin.



Padankan jawapan soalan pemahaman yang tepat.

Apakah tugas yang diberikan oleh guru kepada murid-murid Tahun 4 Harmoni?

Faedah amalan rumah terbuka ialah dapat berkenal-kenalan, beramah mesra dan mengeratkan hubungan silaturahim.

Apakah faedah amalan rumah terbuka?

Golongan miskin yang boleh mengambil makanan di gerobok rezeki ke lokasi baharu.

Mengapakah amalan mengusung rumah dilakukan?

Tugas yang diberi oleh guru kepada murid-murid Tahun 4 Harmoni ialah mencari maklumat tentang aktiviti masyarakat yang prihatin di Malaysia dan membentangkan maklumat yang diperolehi kepada rakan-rakan.

Apakah faedah perkhidmatan gunting rambut percuma?

Amalan mengusung rumah dilakukan adalah untuk memindahkan rumah ke lokasi baharu.

Siapakah yang boleh mengambil makanan di gerobok rezeki?

Faedah perkhidmatan gunting rambut percuma ialah untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah.

Tulis **BETUL** pada pernyataan yang betul atau **SALAH** pada pernyataan yang salah.

Amalan rumah terbuka hanya untuk masyarakat yang sama kaum dan agama sahaja.



Amalan mengusung rumah menunjukkan masyarakat yang sangat prihatin sesama jiran tetangga.



Setiap penduduk perlu membawa buluh sendiri untuk diikat di bawah rumah.



Perkhidmatan gunting rambut percuma dijalankan hasil kerjasama ketua kampung dan masyarakat setempat di Kampung Tok Rimau.



Gerobok rezeki ditempatkan di bahagian luar masjid atau surau.

